***NOTIS LIYR***

*LIYR NOTICE*

**JABATAN LAUT MALAYSIA** **LIYRN 01/2021**
*MARINE DEPARTMENT MALAYSIA*
Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang
Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : liyrhelpdesk@marine.gov.my
Webpage : http://www.marine.gov.my

Notis kepada pemilik kapal, ejen kapal layar dan komuniti kapal layar.
*Notice to yacht owners, yacht agents and the person involve in yachting communiy.*

# PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI, PANDUAN KEPERLUAN KESELAMATAN DAN TEKNIKAL UNTUK KAPAL LAYAR PERDAGANGAN YANG BEROPERASI DI PERAIRAN MALAYSIA (HAD DAGANGAN) DAN LAMAN SESAWANG SISTEM LAYAR (SISLA)

*STANDARD OPERATING PROCEDURE OF LANGKAWI INTERNATIONAL YACHT REGISTRY, GUIDELINE FOR THE TECHNICAL AND SAFETY REQUIREMENT FOR COMMERCIAL YACHTS OPERATING IN MALAYSIA WATERS (TRADING LIMIT) AND WEBPAGE OF YACHT SYSTEM (SISLA)*

**Notis Berkaitan LIYRN 02/2020**
***Related Document LIYRN 02/2020***

## Tujuan

1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada komuniti kapal layar berkenaan pembatalan notis LIYRN 02/2020 dengan terdapatnya pindaan-pindaan ke atas Prosedur Operasi Standard Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, Panduan Keperluan Keselamatan Dan Teknikal Untuk Kapal Layar Perdagangan Yang Beroperasi Di Perairan Malaysia (Had Dagangan) dan Laman Sesawang Sistem Layar (SISLA).

2. Sehubungan dengan itu, Notis ini berkuatkuasa bermula pada 1 Jun 2021 dan seterusnya Notis LIYRN 02/2020 adalah dibatalkan.

**Prosedur Operasi Standard Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi**

3. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi diwujudkan sebagai panduan kepada Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa

## *Purpose*

*1. This Notice serve to notify the yachting community regarding the cancellation of LIYRN 02/2020 notice with amendments to The Standard Operating Procedure (SOP) of the Langkawi International Yacht Registry, Guideline For The Technical And Safety Requirement For Commercial Yachts Operating In Malaysia Waters (Trading Limit) and Webpage of Yacht System (SISLA).*

*2. Therefore this Notice enter into force start from 1 June 2021 and subsequently the LIYRN 02/2020 notice is hereby cancelled.*

***The Standard Operating Procedure (SOP) of the Langkawi International Yacht Registry***

*3. The Standard Operating Procedure (SOP) of the Langkawi International Yacht Registry was developed as a guideline to the Langkawi International Yacht Registrar Office,*

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Langkawi, Pemilik Individu Kapal Layar, Pemilik Entiti Kapal Layar dan Ejen-Ejen Kapal Layar Langkawi. | | *Individual Yacht Owner, Entity Yacht Owner and Langkawi Yacht Agents.* |
| 4. | SOP ini juga boleh digunakan sebagai rujukan kepada Agensi atau Jabatan yang berkaitan berkenaan aktiviti kapal layar Langkawi | *4.* | *This SOP also can be use as a reference to relevant Department or Agency regarding Langkawi yacht activity.* |
| 5. | Sila rujuk lampiran **Annex 1** dan SOP ini hanya dalam Bahasa Melayu sahaja. | *5.* | *Please refer attachment **Annex 1** and this SOP only in Malay Language.* |
| | **Panduan Keperluan Keselamatan Dan Teknikal Untuk Kapal Layar Perdagangan Yang Beroperasi Di Perairan Malaysia (Had Dagangan)** | | ***Guideline for The Technical And Safety Requirement For Commercial Yachts Operating In Malaysia Waters (Trading Limit)*** |
| 6. | Panduan Keperluan Keselamatan Dan Teknikal Untuk Kapal Layar Perdagangan Yang Beroperasi di Perairan Malaysia (Had Dagangan) telah diwujudkan dan hendaklah digunakan bagi Kapal Layar Langkawi yang ingin membawa penumpang. | *6.* | *Guideline for The Technical And Safety Requirement For Commercial Yachts Operating In Malaysia Waters (Trading Limit) was developed and used by Langkawi Yacht intending to carry the passengers.* |
| 7. | Sila rujuk lampiran **Annex 2.** | *7.* | *Please refer attachment **Annex 2.*** |
| | **Laman Sesawang Sistem Layar (SISLA)** | | ***Webpage of Yacht System (SISLA)*** |
| 8. | Sistem Layar (SISLA) telah dibangunkan pada tahun 2014 dan sejak itu Pejabat Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, ejen yang diluluskan oleh Menteri dan ejen yang dilantik oleh pemilik kapal layar/entiti telah menggunakan SISLA untuk menghantar permohonan, semakan dan kelulusan bagi pendaftaran kapal layar | *8.* | *The Yacht System (SISLA) was developed in 2014 and since then the Langkawi International Yacht Registrar Office, agents approved by the Minister and agent appointed by the yacht owner/ entity have use SISLA to submit the applications, review and approval for the registration of yacht.* |
| 9. | Lanjutan daripada pindaan terkini Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, SISLA telah dinaik taraf untuk meningkatkan tahap kecekapan sistem bagi memproses permohonan yang dihantar oleh pemilik kapal layar. | *9.* | *Extension of the latest amendments the Langkawi International Yacht Rules, SISLA has been upgraded to improve the efficiency of the system in processing the applications submitted by the yacht owners.* |
| 10. | SISLA hanya boleh diakses oleh pengguna berdaftar yang mempunyai id-pengguna dan kata laluan yang sah sahaja. Alamat laman sesawang SISLA ialah http://marine32.marine.gov.my/LAYAR/Agent/Login.aspx. | | *The SISLA can be accessed by registered users who have a valid user-id and password only. The webpage address for SISLA is http://marine32.marine.gov.my/LAYAR/Agent/Login.aspx.* |

11. Sebarang pertanyaan berkenaan Notis ini boleh diajukan kepada :

**Pengarah**
Bahagian Pendaftaran Kapal,
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia
Peti Surat 12 Jalan Limbungan,
42007 Port Kelang, Selangor, Malaysia

liyrhelpdesk@marine.gov.my

**Ketua Pengarah Laut**
**Tarikh : 27 MEI 2021**

*11. Any inquiries concerning the subject of this notice should be directed to:*

***Director***
*Ship Registration Division,*
*Marine Department of Malaysia, HQ*
*P.O Box 12, Jalan Limbungan*
*42007 Port Klang, Selangor, Malaysia*

*liyrhelpdesk@marine.gov.my*

***Director General of Marine***
***Date: 27 MAY 2021***